

**PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH (MSSD) KINTA UTARA**

1. **Nama Kejohanan** : Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) Kinta Utara Tahun 2024

2. **Tarikh Dan Masa** :

Hari dan Tarikh	Masa	
	Pagi	Petang
17.7.2024 (Rabu)	Jam 8.00 Pagi	12.00 Tengah Hari
18.7.2024 (Khamis)	Jam 8.00 Pagi	6.00 Petang
22.7.2024 (Isnin)	Jam 8.00 Pagi	6.00 Petang
23.7.2024 (Selasa)	Jam 8.00 Pagi	6.00 Petang
24.7.2024 (Rabu)	Jam 8.00 Pagi	6.00 Petang
25.7.2024 (Khamis)	Jam 8.00 Pagi	6.00 Petang

3. **Tempat** : Stadium Perak, Ipoh (Acara Balapan Dan Lompatan)
Stadium Ragbi, Ipoh (Acara Balingan)

4. **Undang-Undang Pertandingan**

Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknik MSS Perak, peraturan-peraturan am MSS Perak dan MSSM serta undang-undang KOM/IAAF.

5. **Jenis Pertandingan**

5.1 Pertandingan individu dan berpasukan.

5.2 Acara-acara yang dipertandingkan beserta dengan kategori, berat/ukuran alatan adalah seperti berikut:

Bil	Acara	L18	L15	L12	P18	P15	P12
1	100m	X	X	X	X	X	X
2	200m	X	X	X	X	X	X
3	400m	X	X	-	X	X	-
4	800m	X	X	-	X	X	-
5	1500m	X	X	-	X	X	-
6	3000m	X(T)	-	-	X(T)	-	-
7	80m Lari Berpagar	-	-	X 0.762m	-	-	X 0.762m
8	100m Lari Berpagar	-	-	-	X 0.762m	X 0.762m	-
9	110m Lari Berpagar	X 0.914m	X 0.838m	-	-	-	-
10	200m Lari Berpagar	-	X 0.838m	-	-	X 0.762m	-
11	400m Lari Berpagar	X 0.838m	-	-	X 0.762m	-	-
12	3000m Jalan Kaki	-	-	-	-	X	-
13	5000m Jalan Kaki	-	X	-	X	-	-
14	10000m Jalan Kaki	X	-	-	-	-	-
15	Lompat Tinggi	X	X	X	X	X	X
16	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X
17	Lompat Kijang	X	X	-	X	X	-
18	Lontar Peluru	X 5.00kg	4.00kg	X 2.72kg	X 3.00kg	X 3.00kg	X 2.72kg
19	Lempar Cakera	X 1.50kg	X 1.00kg	-	X 1.00kg	X 1.00kg	-
20	Rejam Lembing	X 700g	X 600g	-	X 500g	X 500g	-
21	Baling Tukul Besi	X(T) 5.00kg	-	-	X(T) 3.00kg	-	-
22	4 x 100m	X	X	X	X	X	X
23	4 x 200m	-	-	X	-	-	X
24	4 x 400m	X	X	-	X	X	-
25	2000m Lari Berhalangan	X 0.838m (1)	X 0.762m	-	X(T) 0.762m	-	-
26	Heptathlon	-	-	-	X(T)	-	-
27	Oktathlon	X(T)	-	-	-	-	-
JUMLAH (97)		20	17	8	20	16	8

5.2.1 Acara Lari Berpagar

Acara	Bilangan Pagar	Garisan Permulaan Ke Pagar Pertama	Pagar Ke Pagar	Pagar Akhir Ke Garisan Penamat
80m Lari Berpagar	8	12.00m	8.00m	12.00m
100m Lari Berpagar	10	13.00m	8.50m	10.50m
110m Lari Berpagar	10	13.72m	9.14m	14.02m
200m Lari Berpagar	5	20.00m	35.00m	40.00m
400m Lari Berpagar	10	45.00m	35.00m	40.00m

5.2.2 Acara 4x200 meter

- 5.2.2.1 Pelari pertama akan gunakan lorong sendiri dan akan mula di garisan $1\frac{1}{2}$ stagger (seperti pelari pertama dalam acara 4 x 400 meter).
- 5.2.2.2 Pelari kedua akan bersedia di garisan 1 stagger (garisan ini akan disediakan).
- 5.2.2.3 Pelari ketiga akan bersedia di garisan $\frac{1}{2}$ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4x400 meter). Selepas menerima baton dari pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing-masing sehingga ke akhir selekoh pertama dan kemudiannya beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.
- 5.2.2.4 Pelari akhir akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut susunan senarai mula dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

5.2.3 Acara Lompat Kijang

- 5.2.3.1 Jarak papan lonjakan lompat kijang adalah seperti berikut:

Kategori	Lelaki	Perempuan
Bawah 18 Tahun	10m/11m	8m
Bawah 15 Tahun	9m/10m	7m

5.2.4 Acara Lompat Tinggi

- 5.2.4.1 Ketinggian minimum bagi acara ini adalah seperti berikut:

Kategori	Lelaki	Perempuan
Bawah 18 Tahun	1.40m	1.15m
Bawah 15 Tahun	1.30m	1.10m
Bawah 12 Tahun	1.20m	1.00m

5.2.5 Acara 2000 Meter Lari Berhalangan

- 5.2.5.1 Ketinggian pagar halangan : 0.838m (L18), 0.762m (PT/L15)
- 5.2.5.2 Lompat pagar : 18 kali
- 5.2.5.3 Lompat air : 5 kali
- 5.2.5.4 Lompatan air ialah lompatan kedua dalam pusingan pertama dan kemudiannya lompatan yang keempat dalam pusingan yang berikutan.

5.2.6 Acara Heptathlon

- 5.2.6.1 Hari Pertama : 100m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Lontar Peluru dan 200m
- 5.2.6.2 Hari Kedua : Lompat Jauh, Rejam Lembing dan 800m

5.2.7 Acara Oktathlon

- 5.2.7.1 Hari Pertama : 100m, Lompat Jauh, Lontar Peluru dan 400m
- 5.2.7.2 Hari Kedua : 110m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Rejam Lembing dan 1500m

5.2.8 Acara Terbuka

Kategori	Lelaki	Perempuan
Bawah 18 tahun	3000m, Oktathlon & Baling Tukul Besi	3000m, Heptathlon, Baling Tukul Besi, 2000m Lari Berhalangan

(Semua acara terbuka diambil kira sebagai acara individu)

5.2.9 Setiap acara hanya akan dipertandingkan sekiranya terdapat 3 peserta individu/pasukan ke atas.

6. Pendaftaran Peserta

- 6.1 **Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada atau sebelum 10.7.2024 (Rabu)** secara online menerusi Google Forms di alamat <https://forms.gle/s1QswZGEEqsv9rd49> (aliran perdana) dan <https://forms.gle/cjsYE2pbRvQ6hEwGA> (pendidikan khas).
- 6.2 Satu salinan pendaftaran akan dikirim kepada email yang didaftar (**JANGAN GUNA EMAIL SEKOLAH**). Sebarang pembetulan boleh dibuat melalui salinan email tersebut sebelum data dipindah kepada sistem pengurusan olahraga.
- 6.3 Jika seseorang peserta tarik diri, sila pilih "Batal Penyertaan" di ruang sekolah. Pengurus pasukan bertanggungjawab atas pendaftaran sekolah masing-masing. Borang pendaftaran terkini akan dikeluarkan setiap malam.

- 6.4 Borang Pendaftaran yang lengkap perlu disahkan oleh Pengetua/Guru Besar dan dihantar kepada Jawatankuasa Pertandingan pada Mesyuarat Pengurus Pasukan yang kedua pada 16.7.2024 (Selasa).
- 6.5 Pendaftaran lewat daripada tarikh di atas **TIDAK AKAN DITERIMA DAN DIBATALKAN**. Sebarang perubahan penyertaan selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- 6.6 Bilangan maksimum penyertaan seseorang adalah seperti berikut:-

Kategori	Individu	Lari Berganti-ganti
Bawah 18 Tahun	3 acara (termasuk acara terbuka)	2
Bawah 15 Tahun	3 acara (termasuk acara terbuka)	2
Bawah 12 Tahun	2 acara	2

- 6.7 Pembahagian kategori:
- Bawah umur 18 tahun : Lahir selepas 1.1.2006 (2006, 2007, 2008)
 Bawah umur 15 tahun : Lahir selepas 1.1.2009 (2009, 2010, 2011)
 Bawah umur 12 tahun : Lahir selepas 1.1.2012 (2012, 2013, 2014)
 Had umur peserta (mengikut Peraturan 4 – Peraturan Am MSSM)
 6.7.1 Kiraan umur adalah pada 1hb. Januari tahun kejohanan.
 6.7.2 Seseorang peserta dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kumpulan sahaja mengikut kategori umur yang dipertandingkan kecuali dalam acara terbuka (Peraturan 5.2.8).
- 6.8 Peserta Heptathlon/Oktathlon tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam acara individu yang lain.
- 6.9 Bilangan peserta yang boleh didaftarkan untuk setiap pasukan sekolah:

Acara	Bilangan Maksimum	Kategori
Semua acara	2 orang peserta	Bawah 18, 15 dan 12
Lari Berganti-ganti	1 pasukan	Bawah 18, 15 dan 12

7 Undian Lorong

- 7.1 Undian Lorong akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pertandingan dengan bantuan Jawatankuasa Teknikal Olahraga di SMK Jalan Tasek pada **11.7.2024 (Khamis)**.
- 7.2 Sebarang pembetulan/pindaan kepada pendaftaran boleh dibuat sebelum undian lorong dijalankan. Selepas ini, pembetulan/pindaan tidak akan dilayan.

8 Acara Lari Berganti-Ganti

- 8.1 Semua peserta acara lari berganti-ganti hendaklah didaftarkan dengan nombor peserta dalam Borang Penyertaan.
- 8.2 Senarai nama pelari hendaklah diserahkan kepada Hakim Bilik Panggilan satu (1) jam sebelum acara tersebut bermula dengan menggunakan Borang Acara Lari Berganti-ganti.

9 Melapor Diri

- 9.1 Semua peserta hendaklah melapor diri kepada Hakim Bilik Panggilan sekurang-kurangnya 20 minit bagi acara balapan dan 30 minit bagi acara padang, sebelum acara berkenaan dijalankan.
- 9.2 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dengan nombor masing-masing disematkan dengan pin pada keempat-empat sudut nombor yang dipakai di bahagian dada dan belakang (kecuali bagi acara lompatan dibenarkan dengan satu nombor di bahagian dada atau di belakang).
- 9.3 Peserta yang lewat melapor diri 10 minit sebelum acara dimulakan, tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dan dianggap telah menarik diri.

10 Pembatalan Penyertaan

- 10.1 Semua pembatalan penyertaan dalam sesuatu acara hendaklah dibuat semasa mesyuarat pengurus pasukan atau oleh pengurus pasukan/jurulatih masing-masing kepada Hakim Bilik Panggilan, sekurang-kurangnya 1 jam sebelum acara berkenaan dijadual bermula.

11 Gantian Dan Penarikan Diri

- 11.1 Gantian kepada peserta yang telah pun disahkan bertanding tidak akan dibenarkan bagi acara perseorangan selepas undian lorong dibuat.
- 11.2 Penggantian bagi acara lari berganti-ganti dibenarkan kepada peserta yang namanya telah didaftarkan dalam Borang Penyertaan.
- 11.3 Jika didapati seseorang peserta yang telah mendaftarkan diri tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acara, maka peserta itu dianggap sebagai menarik diri tanpa sebab. Oleh yang demikian peserta tersebut tidak dibenarkan menyertai lagi acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 11.4 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acaranya selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal tanpa surat pengesahan doktor/pegawai perubatan adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.

- 11.5 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat doktor/pegawai perubatan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam acara-acara yang didaftarkan atas namanya dengan syarat peserta tersebut mengemukakan surat pengesahan daripada doktor/pegawai perubatan kepada Pengurus Kejohanan.
11.6 Tidak ada gantian bagi peserta yang telah menarik diri.

12 Sistem Pertandingan

- 12.1 Pertandingan bagi acara-acara balapan 100m hingga 400m termasuk acara lari berpagar akan diadakan di peringkat pusingan 1, separuh akhir dan akhir.
12.2 Pertandingan bagi acara-acara 400m ke atas akan diadakan di peringkat akhir sahaja.
12.3 Penentuan peserta-peserta ke peringkat separuh akhir dan akhir adalah seperti berikut:-
6 saringan dan ke atas :Ditetulkan oleh Jawatankuasa Pertandingan
5 separuh akhir :Peserta (pertama) dari setiap separuh akhir dan 3 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari kelima-lima separuh akhir layak ke peringkat akhir.
4 separuh akhir :Peserta (pertama) dari setiap separuh akhir dan 4 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari keempat-empat separuh akhir layak ke peringkat akhir.
3 separuh akhir :2 peserta (pertama dan kedua) dari setiap separuh akhir dan 2 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari ketiga-tiga separuh akhir layak ke peringkat akhir.
2 separuh akhir :3 peserta (pertama, kedua dan ketiga) dari setiap separuh akhir dan 2 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari kedua-dua separuh akhir layak ke peringkat akhir.
12.4 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatat masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan pada para 12.3, maka penentuan kelayakan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika masih sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pertandingan.
12.5 Semua undian lorong untuk acara akhir semasa kejohanan akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pertandingan.
12.6 Undian lorong akan dijalankan mengikut Peraturan 166 KOM/IAAF.

13 Gelanggang Dan Alatan

- 13.1 Seperti undang-undang MSSM/KOM.
13.2 Spesifikasi peralatan yang digunakan adalah seperti dalam Peraturan 5.2.
13.3 Penggunaan blok permulaan diwajibkan untuk semua kategori bawah 15 dan 18 tahun dalam acara berjarak 100m hingga 400m, semua acara lari berpagar dan acara lari berganti-ganti.
13.4 Penggunaan blok permulaan tidak wajib untuk semua kategori bawah 12 tahun.

14 Nombor Dan Huruf Peserta

- 14.1 Semua peserta termasuk peserta yang bertanding dalam acara lari berganti-ganti hendaklah menggunakan nombor peserta/abjad yang ditetapkan.
(Semua peserta acara lari berganti-ganti perlu menggunakan **ABJAD, BUKAN NOMBOR**)
14.2 Setiap peserta hendaklah memakai sepasang kain nombor pengenalan (satu di bahagian dada dan satu di belakang) dengan disematkan pada keempat-empat sudut kain dengan pin (kecuali acara lompatan yang dibenarkan dengan satu nombor di bahagian dada atau di belakang).
14.3 Nombor-nombor peserta hendaklah dicapkan dengan jelas dan tidak luntur apabila basah. Nombor tersebut hendaklah berukuran:
Tinggi tulisan :12cm
Lebar tulisan :1.5cm

15 Pakaian/Peralatan Peserta

- 15.1 Peserta-peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan menerima hadiah.
15.2 Pakaian peserta hendaklah tidak jarang walaupun basah.
15.3 Semua peralatan pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal. Sekiranya alatan persendirian perlu digunakan, peserta berkenaan hendaklah menyerahkan kepada Pengurus Teknik untuk disemak dan disahkan terlebih dahulu sehari sebelum pertandingan dan dipungut semula selepas pertandingan.
15.4 Panjang paku kasut (spikes) dibenarkan tidak melebihi 6mm kecuali untuk acara lompat tinggi dan merejam leming tidak melebihi 9mm.

16. Penyingkiran Penyertaan

- 16.1 Peserta-peserta yang didapati tidak menepati mana-mana Peraturan Pertandingan ini tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

17. Hadiah Dan Penentuan Peserta Terbaik

- 17.1 Acara individu – Pertama, Kedua dan Ketiga
Acara pasukan – Enam pingat akan diberi kepada setiap pasukan yang berjaya di tempat Pertama, Kedua dan Ketiga
17.2 Hadiah Peserta Terbaik akan diberi kepada peserta terbaik Lelaki/Perempuan B18, Lelaki/Perempuan B15, dan Lelaki/Perempuan B12 berdasarkan pencapaian mencatat rekod baru MSS Asean, MSSM atau MSS Perak dan sebagainya (mana yang lebih baik pencapaiannya). Kelebihan usia sesuatu rekod diambil kira dalam menentukan keputusan pemilihan.

- | | |
|------|---|
| 17.3 | Sekiranya tiada rekod diatasi/dicatat, jumlah pingat emas dalam acara individu akan diambil kira. |
| 17.4 | Sekiranya pungutan emas masih sama, pungutan perak atau gangsa dalam acara individu akan diambil kira. |
| 17.5 | Sekiranya kedudukan masih sama juga, maka keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta. |

18. Johan Antara Pasukan

- | | |
|------|---|
| 18.1 | Johan antara pasukan hanyalah bagi kategori-kategori berikut:-
18.1.1 Antara pasukan sekolah rendah
18.1.2 Antara pasukan sekolah menengah
18.1.3 Antara pasukan sekolah menengah lelaki
18.1.4 Antara pasukan sekolah menengah perempuan |
| 18.2 | Penentuan johan antara pasukan ialah pasukan sekolah yang memenangi pingat emas terbanyak. Jika seri, kiraan perak akan diambil kira. Jika masih seri, kiraan pingat gangsa akan diambil kira. Jika masih juga seri, maka pasukan-pasukan yang seri itu akan diisyiharkan sebagai Johan Bersama dan seterusnya. |

19. Bantahan

- | | |
|------|--|
| 19.1 | Segala bantahan hendaklah dibuat dengan wang mengikut Peraturan 146 KOM, kecuali atas perkara-perkara berikut:-
19.1.1 Jika masalah bantahan berkenaan dengan kelayakan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah ‘bantahan’ dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada pihak Jawatankuasa Pertandingan.
19.1.2 Bantahan-bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan tidak lewat daripada 15 minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal dan 30 minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara akhir.
19.1.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mestilah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM200.00 (Dua ratus ringgit sahaja) |
|------|--|

20. Kawasan Pertandingan/Peserta

- | | |
|------|---|
| 20.1 | Hanya pegawai-pegawai kejohanan yang bertugas dan peserta-peserta yang sedang bertanding sahaja boleh berada di tempat pertandingan. |
| 20.2 | Pengurus pasukan/jurulatih tidak dibenarkan masuk ke dalam arena pertandingan kecuali diminta berbuat demikian oleh Pengurus Kejohanan. |
| 20.3 | Peserta-peserta dikehendaki berbaris sewaktu masuk ke arena pertandingan. |

21. Mesyuarat Pengurus Pasukan Kedua

- | | |
|------|--|
| 21.1 | Mesyuarat Pengurus Pasukan Kedua akan diadakan pada 16.7.2024 (Selasa) di SMK Jalan Tasek, jam 2:30 petang. |
| 21.2 | Hanya penarikan diri peserta dibenarkan pada mesyuarat tersebut. |

22. Hak-Hak Jawatankuasa Pengelola

- | | |
|------|---|
| 22.1 | Setiap acara akan dijalankan mengikut masa dan tarikh yang telah ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan pengumuman rasmi akan dibuat. |
| 22.2 | Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan-peraturan ini, Peraturan Am MSSM/MSS Perak atau Undang-Undang KOM. |

23. Hal-Hal Lain

- | | |
|------|---|
| 23.1 | Jawatankuasa Pengelola tidak boleh dipertanggungjawabkan atas kehilangan barang-barang kepunyaan pegawai atau peserta di dalam atau berdekatan dengan tempat pertandingan serta atas apa jua kecederaan atau kemalangan pada masa pertandingan dijalankan sungguhpun persediaan rapi akan diadakan untuk mengelakkan kejadian seumpama di atas. |
| 23.2 | Selain daripada pegawai-pegawai bertugas, tidak sesiapa pun dibenarkan memberi sebarang arahan mengenai pertandingan ini ataupun melibatkan diri dalam perjalanan pertandingan. |